



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

**TEKS UCAPAN
YB DATUK SERI UTAMA TENGKU ADNAN BIN TENGKU MANSOR
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**MAJLIS MALAM APRESIASI WILAYAH PERSEKUTUAN
TAHUN 2017**

SEMPENA SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2018

**28 FEBRUARI 2018, 8.00 MALAM,
DEWAN SRI SIANTAN, PRESINT 3, PUTRAJAYA**

Bismillahirrahmanirrahim

(Salutasi diberikan kemudian)

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Dan Salam Sejahtera**

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu marilah sama-sama mengangkat setinggi-tinggi rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan inayatNya jua dapat kita bertemu dalam Majlis Apresiasi Wilayah Persekutuan Tahun 2017 yang merupakan julung-julung kali diadakan seumpamanya oleh Kementerian Wilayah Persekutuan.

2. Seterusnya penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan kepada YBhg. Datuk Seri Ketua Setiausaha, Kementerian Wilayah Persekutuan atas kejayaan penganjuran Majlis Apresiasi Wilayah Persekutuan Tahun 2017 pada malam ini.
3. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan selamat datang dan terima kasih kepada semua yang sudi melapangkan masa memenuhi undangan bagi menghadiri majlis ini. Kehadiran hadirin sekalian amat bermakna dan membuktikan sokongan padu dan komitmen semua warga dalam sama-sama memastikan Wilayah Persekutuan sejahtera dan maju.
4. Majlis Apresiasi Wilayah Persekutuan Tahun 2017 ini juga merupakan acara penutup kepada Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2018. Dengan bertemakan “Wilayah Ceria Rakyat Sejahtera,” sebanyak 35 program telah disusun dan dilaksanakan sepanjang sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2018, khusus untuk warga Wilayah Persekutuan supaya hubungan rapat komuniti dapat dieratkan lagi dengan lebih dekat. Ianya dilihat sangat memberi impak yang positif kepada semua warga Wilayah Persekutuan.
5. **Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**
6. Objektif penganjuran Majlis Apresiasi Wilayah Persekutuan pada malam ini adalah bagi menghargai prestasi perkhidmatan yang aktif dan cemerlang kepada semua *stakeholder* yang telah menyumbang

secara aktif dalam pelaksanaan program dan projek bagi menjayakan agenda “Wilayah Persekutuan Maju dan Sejahtera”.

7. Semua kejayaan yang telah ditunjukkan oleh *stakeholder* dalam melaksanakan program, projek dan aktiviti di Wilayah Persekutuan seperti RUMAWIP, Kad Ceria, *River of Life*, Operasi Banteras Aktiviti Haram (OPS BAH), Pusat Transit Gelandangan, Penggunaan Produk Biodegradasi dan sebagainya jelas menunjukkan bahawa semangat kerjasama yang erat dan mesra antara Kementerian dengan *stakeholder* serta warga Wilayah Persekutuan.
8. Diharapkan dengan penganjuran Majlis Apresiasi ini ianya akan mencetus dan menyemarakkan semangat meningkatkan mutu perkhidmatan dan pelaksanaan program dan projek Kementerian Wilayah Persekutuan dan agensi yang cemerlang dan berkesan daripada *stakeholder* yang terlibat. Hasil secara tidak langsung akan memastikan Kementerian dan agensi ini terus cemerlang dalam peranannya memberikan perkhidmatan yang bermutu dan terbaik kepada rakyat khususnya warga Wilayah Persekutuan.
9. **Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,**
10. Menelusuri sejarah penubuhan Wilayah Persekutuan bermula melalui Perjanjian Kuala Lumpur, detik bersejarah tercipta apabila Kuala Lumpur diisytiharkan secara rasmi sebagai Wilayah Persekutuan pertama pada 1 Februari 1974 oleh Perdana Menteri ketika itu

YABhg. Tun Abdul Razak. Lantas, selepas 48 tahun penubuhan Kuala Lumpur, yang juga merupakan ibu negara Malaysia, ia kini berkembang pesat dan merupakan nadi utama kepada pusat ekonomi dan pembangunan di Malaysia.

11. Pewujudan Labuan pada 1984 untuk diangkat menjadi Wilayah Persekutuan kedua diikuti dengan Putrajaya pada tahun 2001 menunjukkan betapa kewujudan Wilayah Persekutuan adalah sinonim dan penzahiran kepada peranannya dalam memacu pertumbuhan ekonomi, kesejahteraan sosial dan pembangunan negara.
12. Di bawah payung falsafah “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”, Kementerian Wilayah Persekutuan telah memperkenalkan pelbagai program dan inisiatif bagi memaksimumkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan kepada pelbagai lapisan rakyat demi mensejahtera kehidupan warga Wilayah Persekutuan. Ada program yang diteruskan sehingga kini dan ada juga yang ditamatkan kerana tidak lagi relevan masa kini. Kementerian dan agensi sentiasa secara tuntas menyesuaikan program dan aktiviti mengikut keperluan kumpulan sasaran yang meliputi semua lapisan masyarakat.
13. Menyedari masalah rakyat khususnya mengenai harga rumah di kawasan bandar yang semakin meningkat, Kementerian telah melancarkan **Program RUMAWIP** yang bertujuan untuk membantu

golongan berpendapatan sederhana yang menetap, bekerja atau dilahirkan di Wilayah Persekutuan untuk memiliki kediaman sendiri di Wilayah Persekutuan pada harga tidak melebihi RM300,000.00 seunit. Dengan kekangan tanah di Wilayah Persekutuan dan peruntukkan kerajaan, maka pendekatan pelaksanaan bersama rakan strategik secara *cross subsidy* diperkenalkan.

14. Ingin saya nyatakan bahawa, sehingga **31 Januari 2018**, **pelaksanaan RUMAWIP telah mencapai sebanyak 75,521 unit atau 94.40%** daripada sasaran keseluruhan sebanyak 80,000 unit RUMAWIP di Wilayah Persekutuan.
15. Berdasarkan kuantum pembangunan semasa RUMAWIP, dijangkakan nilai pembangunan kasar (Gross Development Value - GDV) bagi projek-projek RUMAWIP adalah mencecah RM20 bilion. Inilah kesan sampingan iaitu penjanaan ekonomi pembinaan yang semakin meningkat. Dan pastinya, ini semua menambah peluang pekerjaan dan juga peluang perniagaan.
16. Pembangunan RUMAWIP ini menjadi bukti kerajaan boleh bekerjasama dengan syarikat swasta untuk kesejahteraan rakyat. Kesemua pelaksanaan projek RUMAWIP dijayakan tanpa melibatkan sebarang peruntukan atau subsidi daripada Kerajaan dan dilaksanakan melalui program usahasama dengan pihak swasta yang sekaligus memberi penjimatan yang amat signifikan kepada Kerajaan. Justeru, Kementerian amat menghargai sumbangan dan

kerjasama yang telah diberikan oleh pemaju dan syarikat swasta di atas inisiatif tanggungjawab sosial mereka kepada rakyat bagi memastikan program ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

17. Dalam mendepani kos sara hidup yang semakin meningkat kepada warga Wilayah Persekutuan, pelancaran **Kad Ceria** yang menawarkan diskaun antara 5 hingga 70 peratus kepada perkhidmatan dan barangan harian pengguna. Sehingga kini, sebanyak **9,683 merchant** yang terlibat sebagai Rakan Dagang Kad Ceria yang melibatkan sejumlah **10,086 premis perniagaan** di wilayah Persekutuan.
18. Diharapkan semua rakyat yang mendapat kad ceria ini akan memanfaatkan penggunaannya demi meringankan beban perbelanjaan harian. Terima kasih saya ucapkan kepada rakan dagang antaranya KK Mart, Mydin, Kenny Rogers, Border, Pusat Pakaian Hari-Hari dan banyak lagi yang bekerjasama dan turut prihatin kepada keadaan rakyat.
19. Selain itu, Kementerian sentiasa menyokong dan mengamalkan pembangunan lestari yang berlandaskan kepada pertumbuhan ekonomi, kesejahteraan sosial dan perlindungan alam sekitar. Langkah awal ke arah ini adalah dengan melaksanakan kempen penggunaan produk **biodegradasi** dan katakan tidak kepada polisterina dan plastik. Kini pelbagai kempen dan program kesedaran

telah diadakan bagi memastikan warga Wilayah Persekutuan menyahut saranan untuk menggunakan produk biodegradasi.

20. Ini adalah kerana penggunaan bahan polisterina dan plastik yang berterusan akan mengancam keseimbangan ekosistem kerana bahan ini lazimnya sukar mereput dan mengambil masa kira-kira 500 hingga 1,000 tahun untuk proses pereputan. Selain itu, pengeluaran, pembuangan dan proses pereputannya juga secara langsung menyumbang kepada pembentukan gas rumah kaca (*Green House Gases - GHG*) yang merupakan punca utama menyumbang kepada pemanasan iklim global.
21. **Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,**
22. **Program pembangunan semula** merupakan antara nadi pembangunan ke arah mensejahtera rakyat selain memberi impak ekonomi yang lebih positif kepada ibu kota. Program pembangunan semula sebenarnya adalah program transformasi bandar usang. Pembangunan yang telah kerajaan lakukan ini melebihi 10 tahun dahulu sudah hilang seri dan perlu diberi nafas baru sesuai dengan keperluan baru rakyat masa kini. Kita 'merubah' untuk menceriakan dan mensejahterakan rakyat. Sebagai contoh rumah dua bilik kita jadikan 3 bilik dengan lebih kemudahan.
23. Sehingga kini, 2 projek pembangunan semula yang telah siap sepenuhnya hasil kolaborasi antara Kementerian serta agensinya,

syarikat-syarikat swasta dan penduduk sendiri iaitu Residensi Kerinchi di Lembah Pantai dan Razak Mansion di Sungai Besi. Hasil program pembangunan semula yang dibuat ini bukan sahaja meningkatkan taraf hidup penduduk di perumahan yang terlibat malah meninggikan nilai pasaran kawasan komersil yang dibangunkan di kawasan sekitar.

24. Di samping itu, kebajikan dan kepentingan komuniti penjaja dan peniaga kecil di Wilayah Persekutuan juga kita tidak lupakan dengan menubuhkan **Majlis Pembangunan Penjaja dan Peniaga Kecil Wilayah Persekutuan**. Majlis dianggotai oleh sembilan pemimpin persatuan penjaja dan peniaga kecil yang mewakili penjaja dan peniaga kecil di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Majlis ini menjadi wadah bagi pihak Kementerian menerangkan dasar-dasar Kementerian dan pada masa yang sama mendengar pandangan dan harapan para penjaja dan peniaga di Wilayah Persekutuan.
25. Melalui Majlis ini beberapa dasar dan inisiatif dapat dilaksanakan antaranya inisiatif Program Transformasi Penjaja Tepi Jalan di bawah agenda Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera, Program Food Truck dengan 245 lesen telah dikeluarkan, Peningkatan Kemahiran dan Keusahawanan yang berbentuk Bimbingan dan Latihan Perniagaan (*Business Mentoring and Coaching*) dan lain-lain lagi.

26. Selaku Kementerian yang bertanggungjawab kepada semua *stakeholder* dan menyedari kepentingan kesejahteraan warganya, golongan **gelandangan** juga tidak dilupakan. Bertitik tolak dengan penubuhan Pusat Transit Gelandangan dan Pusat Khidmat Gelandangan pelbagai inisiatif dan program telah dilaksanakan bagi membantu golongan ini untuk kembali ke landasan kehidupan normal manusia. Kerjasama yang telah diberikan oleh pelbagai NGO's dan organisasi korporat kepada Kementerian bagi membantu golongan ini telah menjadikan program bantuan golongan gelandangan ini adalah merupakan satu kejayaan.

27. Dalam masa yang sama, Kementerian juga berusaha untuk meningkatkan imej Kuala Lumpur selaku ibu negara Malaysia melalui projek *River of Life, Pedestrian Walkway, Heritage Trails, Greener KL, Sewerage Non-River* dan *Solid Waste management*. Ini adalah bertepatan dengan inisiatif Kerajaan ke arah mencapai inisiatif jejak rendah karbon (*Low Carbon Footprints*) melalui kerangka bandar rendah karbon (*Low Carbon City*) dan juga masyarakat rendah karbon (*Low Carbon Society*).

28. Selain itu, selaras dengan usaha untuk menangani gejala sosial dan meningkatkan keselamatan di Wilayah Persekutuan, Kementerian telah menubuhkan **Task Force Membanteras Aktiviti Haram** atau lebih dikenali sebagai **OPS BAH** pada 14 April 2014. Sehingga kini, 42 siri operasi bersepadu telah dijalankan di Pusat-Pusat Hiburan Keluarga, Kafe-Kafe Siber, Kelab-Kelab Malam di kawasan Projek

Perumahan Rakyat (PPR), Perumahan Awam (PA) DBKL dan di Pusat Refleksologi Tidak Berlesen bagi membanteras kes judi haram, pelacuran, pendatang haram, GRO melayu, penyalahgunaan dadah dan pelbagai kesalahan yang lain.

29. Kerjasama dan penglibatan 27 agensi kerajaan dan 18 agensi bukan kerajaan (NGO) dalam melaksanakan OPS BAH ini, telah berjaya menumpaskan 201 buah premis judi, rampasan peralatan dan mesin judi atas talian yang mencecah nilai RM17.83 juta serta berjaya menahan seramai 2,315 orang penagih dadah sepanjang tempoh 2017.
30. Atas kejayaan itu, OPS BAH juga telah menerima pelbagai pengiktirafan seperti Anugerah Khas PPIM sempena Forum Pengguna Islam Ke-7 pada 4 November 2017. Di samping itu, kertas kerja OPS BAH juga telah dibentangkan di Persidangan *International Development of Policy Alliance (IDPPA)* di Rio De Janeiro, Brazil pada bulan Oktober 2017.
31. **Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,**
32. Dalam meniti arus pembangunan yang cukup pesat terutamanya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, **pengurusan air** juga merupakan satu elemen yang perlu dilihat dan dititikberatkan oleh semua pihak. Kerajaan Pusat, kerajaan negeri dan pihak berkuasa air perlu bekerjasama untuk membaiki kelemahan sistem pengurusan

air sekarang. Pada masa kini, sumber air negara terlalu bergantung kepada air permukaan yang sangat sensitif kepada perubahan cuaca dan iklim sedangkan terdapat banyak lagi sumber air alternatif yang boleh diterokai dan berpotensi untuk dibangunkan.

33. Atas dasar itu, Kementerian Wilayah Persekutuan telah mengambil inisiatif dengan mengkaji dan menerokai sumber air alternatif di Wilayah Persekutuan terutama Kuala Lumpur dan Putrajaya. Hasil kajian yang telah dijalankan, menunjukkan sumber air bawah tanah di kawasan Putrajaya mampu membekalkan sejumlah 58 Juta Liter Sehari (MLD) iaitu dianggarkan mampu menampung keperluan 290,000 penduduk. Manakala di Kuala Lumpur sejumlah 15 juta liter sehari (MLD) yang dianggarkan mampu menampung keperluan 75,000 orang penduduk. Oleh itu, Wilayah Persekutuan sedang berusaha untuk menguruskan bekalan sumber air sendiri tanpa perlu bergantung kepada sumber air di negeri Selangor lagi.

34. Semua inisiatif yang dilaksanakan oleh Kementerian ini tidak akan disebarluaskan tanpa bantuan daripada pihak media. Baik pelaporan di media cetak mahupun media elektronik, kedua-dua saluran ini banyak membantu melaporkan berita-berita yang bersifat positif kepada Kementerian. Walaupun dengan perkembangan media sosial pada masa ini, media cetak dan media elektronik masih lagi relevan kepada rakyat untuk menyampaikan maklumat yang betul dan sahih. Kementerian mengucapkan ribuan terima kasih di atas kerjasama yang dijalinan oleh para pengamal media ini yang saya lihat

semakin erat dan rapat dengan saya, KWP dan agensi dan setiasa menwar-warkan program kami.

35. KWP amat berharap agar pihak media juga berhati-hati dan bersikap lebih positif dalam pelaporan isu-isu agar tidak terperangkap sehingga melaporkan maklumat yang salah dan secara tidak langsung mencetuskan kebimbangan kepada rakyat. Etikaewartawanan, hendaklah sentiasa menjadi pegangan dalam setiap pelaporan yang dibuat. Tidak dapat dinafikan, media massa sentiasa berperanan menjadi agen pembangunan dan perpaduan negara serta merupakan alat untuk mewujudkan interaksi sosial, politik dan ekonomi kepada rakyat. Justeru, Kementerian amat menghargai segala pertolongan dan peranan yang telah dimainkan oleh media massa dalam mempromosikan pelbagai inisiatif dan program yang telah dilaksanakan oleh Kementerian.

36. **Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**

37. Majlis Apresiasi Wilayah Persekutuan Tahun 2017 adalah majlis yang pertama kali diadakan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dalam memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada *stakeholder* di Wilayah Persekutuan yang cemerlang berdasarkan kategori anugerah yang telah dikenal pasti iaitu:

- a) Anugerah Projek Pembangunan Semula Bandar Terbaik;
- b) Projek RUMAWIP Terbaik;
- c) Pemaju RUMAWIP Terbaik;

- d) Rakan Dagang Kad Ceria Terbaik;
- e) Rakan Pembekal Produk Biodegradasi Terbaik;
- f) Rakan Media Elektronik Terbaik;
- g) Rakan Media Cetak Terbaik;
- h) Pelaksanaan Projek Pembangunan Terbaik;
- i) Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Terbaik;
- j) Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan Terbaik;
- k) Rakan Strategik OPS BAH Terbaik;
- l) NGO (Gelandangan) Terbaik;
- m) NGO (Kemudahan Awam) Terbaik;

38. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada mereka yang akan menerima anugerah nanti atas pencapaian mereka dan diharapkan pencapaian kecemerlangan tersebut tidak berakhir di sini sahaja. Saya yakin sesiapa pun yang bakal menerima anugerah pada malam ini, jawatankuasa penilaian anugerah telah sedaya upaya memastikan penilaian adalah telus dan pengiktirafan diberikan kepada *stakeholder* yang memenuhi kriteria kecemerlangan yang telah ditetapkan dan merupakan yang terbaik di kalangan terbaik (*crème de la crème*).
39. Nasihat saya, teruskanlah kecemerlangan itu sampai bila-bila dan segala usaha hendaklah bertitik tolak dari niat yang ikhlas untuk kesejahteraan warga Wilayah Persekutuan. Merekalah keluarga kita dan jiran kita. Kesusahan mereka juga akan terpalit ke kita mahupun kesenangan mereka. Kejayaan ini tidak seharusnya melekakan kita.

Benar kita telah mencipta banyak kejayaan, tetapi ini tidak bermakna bahawa kita boleh selesa berpeluk tubuh mengharapkan setiap kejayaan yang dicipta pada masa lalu akan berulang dengan sendirinya pada masa hadapan.

40. Kepada mereka yang tidak menerima anugerah pada malam ini, janganlah kecewa tetapi jadikan anugerah dan pengiktirafan ini sebagai dorongan kepada anda untuk terus meningkatkan lagi prestasi dan mutu penghasilan kerja yang cemerlang. Kejayaan tidak datang bergolek tanpa usaha yang tidak mengenal erti putus asa. Ingatlah, anda bukanlah tidak cemerlang tetapi mereka yang terpilih adalah yang terbaik dikalangan terbaik. Andalah yang menentukan kejayaan anda sendiri.
41. **Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**
42. Sebagai mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berbahagia Datuk Seri Adnan bin Haji Md Ikshan, Ketua Setiausaha di atas kejayaan menganjurkan majlis yang cukup berprestij dan penuh bermakna ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada semua pihak *stakeholder* dan warga wilayah persekutuan yang memberi sokongan dan kerjasama baik kepada Kementerian untuk memastikan segala perancangan dapat dilaksanakan dengan jayanya.

43. Akhir kata, marilah kita bersama-sama meraikan malam ini dan semoga menjadi ingatan sebagai sebuah kenangan manis dan penghargaan kepada pihak-pihak yang telah berganding bahu dan memberikan komitmen yang cemerlang. Saya percaya dan penuh yakin bahawa perjuangan untuk memastikan Wilayah Persekutuan terus maju dan sejahtera tiada penghujung dan kita sebagai warga Wilayah Persekutuan mesti meneruskannya secara istiqamah bagi manfaat generasi kini dan akan datang.

44. Sekian, Wabillahi Taufik Wal hidayah. Wassalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.